

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1994/95

April 1995

PLG 423 - Motivasi dan Pembelajaran

Masa : [3 jam]

---

Jawab soalan No. 1 yang diwajibkan dan mana-mana DUA dari soalan yang lain.

1. a) Bagaimanakah anda akan mendefinisi fenomena 'dorongan'? Berikan ulasan terhadap definisi anda.

- b) Bagaimanakah proses dorongan dapat dibezaikan dengan proses pemelajaran?

- c) Huraikan satu bengkel latihan yang boleh diadakan untuk mempertingkat dorongan di kalangan belia-belia sekolah menengah.

(50 markah)

2. Di dalam penyelidikan psikologi terdapat pelbagai teori dorongan. Pilih salah satu darinya untuk dihuraikan. Tunjukkan juga prinsip-prinsip dorongan yang ditampilkan oleh teori tersebut dan tujuan kegunaan prinsip-prinsip tersebut.

(25 markah)

3. Akhir-akhir ini masalah kelumpuhan motivasi amat ketara di kalangan remaja-remaja. Huraikan TIGA sebab utama bagi masalah ini. Bagi tiap-tiap satunya bincangkan cara untuk mengatasinya supaya keadaan motivasi boleh dipulihkan.

(25 markah)

...2/-

- 2 -

4. Pengajaran di bilik darjah akan menjadi lebih berkesan dengan peningkatan keadaan motivasi pelajar. Bincangkan TIGA prinsip dorongan yang boleh digunakan bagi tujuan ini. Untuk tiap-tiap satunya huraikan cara penggunaan yang munasabah? (25 markah)
  
5. Apakah 'dorongan intrinsik' dan 'dorongan ekstrinsik'. Bagaimanakah kedua-duanya berbeza dan sejauhmanakah pula wujud pertindihan di kalangannya. Tunjukkan keadaan yang menjadikan salah satunya berpotensi melebihi yang lain untuk mendorong seseorang individu. (25 markah)

- 0000000 -